

PM Najib bangga dengan hasil kerjasama Kerajaan Pusat, Johor
Astro Awani
Dec 8, 2016

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak melahirkan rasa gembira dan bangga dengan hasil dasar bersama antara kerajaan Pusat dan kerajaan negeri Johor selepas mengadakan lawatan kerja dua hari ke negeri itu.

Beliau berkata sokongan berterusan pelbagai pihak termasuk daripada kerabat diraja Johor menyaksikan Johor kini berkembang sebagai kuasa ekonomi besar baharu di Malaysia.

"Insya-Allah, kita akan melihat lebih banyak lagi pembangunan di Johor, yang hasilnya akan dinikmati bukan sahaja oleh rakyat Johor tetapi juga untuk rakyat Malaysia kesemuanya," kata Datuk Seri Najib menerusi catatan terbaharu di laman blog beliau *najibrazak.com* malam tadi.

Najib dalam catatannya turut memberi jaminan bahawa beliau akan melakukan tinjauan dari semasa ke semasa terhadap semua projek-projek mega yang dilaksanakan di Johor bagi memastikan sasaran ditetapkan tercapai.

Antara projek yang dikunjungi dan dilancarkan Najib sepanjang lawatan kerjanya itu adalah Kompleks Bersepadu Pengerang, pembinaan Arena Larkin dan Stadium Olahraga Mount Austin di pekarangan Stadium Larkin.

Selain itu beliau merasmikan pembukaan Hotel Phoenix di Forest City, Gelang Patah, melancarkan Reka Bentuk Pembangunan Fastrack City di Pinewood Studios serta melancarkan Sambutan Ulang Tahun Ke-10 Iskandar Malaysia (IM10) di Iskandar Puteri. – *Bernama*

Tag: [Perdana Menteri](#), [Najib Tun Razak](#), [Kerajaan Pusat](#), [Kerajaan negeri Johor](#), [blog najibrazak](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pm-najib-bangga-dengan-hasil-kerjasama-kerajaan-pusat-johor-124991>